

# PM: Sidang Dewan ke-10 ikut peraturan

UM 21 DEC 1999

**K**UALA LUMPUR 20 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, persidangan pertama, penggal pertama Parlimen ke-10 bagi meluluskan peruntukan perbelanjaan kerajaan adalah mengikut peraturan dan perlembagaan negara.

Perdana Menteri berkata, Parlimen yang bersidang untuk tempoh empat hari itu bertujuan untuk meluluskan peruntukan perbelanjaan bagi tempoh tiga bulan pertama tahun ini.

“Ia cuma perlu dikemukakan kepada Parlimen untuk diluluskan. Ini biasa dibuat dahulu. Belanjawan yang mesti dibahaskan semula ialah pada Februari ini, di mana kita akan kemukakan semula Belanjawan 2000,” katanya pada sidang akhbar di lobi Parlimen di sini hari ini.

“Semua ini dibuat mengikut peraturan dan tidak ada satupun yang kita lari daripada aturan-aturan,” jelasnya.

Beliau berkata demikian

bagi mengulas tindakan pembangkang yang membocor upacara mengangkat sumpah ahli Parlimen hari ini kerana mendakwa ia dikendalikan dengan cara yang tidak sah dan tidak mengikut lunas-lunas perlembagaan negara.

Dr. Mahathir berkata, Ahli-ahli Parlimen pembangkang menimbulkan bantahan itu kerana mereka tidak faham peraturan-peraturan tersebut termasuk mengatakan beliau tidak mempunyai kuasa untuk menasihatkan Yang di-Pertuan Agong supaya memanggil Parlimen untuk bersidang.

## Menasihatkan

“Di mana dalam perlembagaan kita yang sebut saya tidak ada kuasa. Ya, benar, dia (perlembagaan) tidak kata saya ada kuasa untuk nasihat. Tetapi itu perkara biasa, sesiapa jadi Perdana Menteri berkuasa untuk menasihatkan Yang di-Pertuan Agong,” katanya.

Mengenai hasrat Pas un-

tuk melaksanakan undang-undang Islam secara lebih meluas, Dr. Mahathir berkata, Barisan Nasional (BN) akan melihat terlebih dahulu apa yang akan dibuat.

Beliau menegaskan, kerajaan tidak menentang jika apa yang dilaksanakan itu benar-benar mengikut Islam.

“Tetapi bila mereka membuat tanggapan sendiri tentang Islam dan cuba untuk laksanakannya, kita tidak akan sokong,” ujarnya.

Beliau berkata, kerajaan tahu, apa Islam yang sebenarnya, yang mana ia memudahkan urusan mentadbir negara.

Tetapi katanya, golongan seperti Pas menjadikan pentadbiran negara Islam sebagai sesuatu yang sukar.

“Sebab itu sentiasa ada pergaduhan sesama sendiri di negara-negara Islam. Mereka (Pas) bawa perkara seperti itu ke negara ini,” katanya.